

BERITA HARIAN

DATE: 2/1/2010

Dr M, Rosmah pastikan konvoi Viva Palestina masuk Gaza

BH-2/1/10

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, adalah antara pemimpin dunia yang berusaha keras memastikan konvoi kemanusiaan Viva Palestina yang dalam perjalanan untuk menghantar bekalan ubat ke negara yang diserang rejim Zionis itu dapat tiba ke Semenanjung Gaza.

Pada 28 Disember lalu, ketika masyarakat Kristian di seluruh dunia masih lagi bergembira meraikan Krismas, konvoi berkenaan yang disertai lebih 200 kenderaan memabitkan kira-kira 500 orang dari 17 negara yang berada di Pelabuhan Aqaba, Jordan, tidak dapat sampai ke negara berkenaan kerana pihak berkuasa Mesir tidak membuka pintu sempadan di Rafah.

Perkara itu dijelaskan Ahli Parlimen Britain, George Galloway yang juga pengasas konvoi berkenaan dalam temu ramah dengan wartawan agensi berita *Al Jazeera*.

Galloway yang dipetik portal agensi berita itu berkata ketika sesetengah negara masih dalam suasana Kris-

mas, beliau pula terpaksa merayu seluruh dunia untuk membantu rakyat Gaza yang memerlukan bantuan.

"Konvoi itu kesuntukan masa kerana bekalan perubatan perlu dibawa segera memasuki Gaza sebelum tarikh luput.

"Ada sesetengah bekalan perubatan pula mula rosak disebabkan matahari terik ketika dalam perjalanan menuju ke Gaza. Bekalan (perubatan) ini amat diperlukan oleh rakyat Palestin.

"Saya merayu semua pihak supaya membantu kami memasuki Semenanjung Gaza. Rakyat di sana memerlukan bantuan," katanya.

Galloway berkata, Kerajaan Turki melalui Perdana Menteri, Recep Tayyip Erdogan juga turut mencuba untuk membolehkan konvoi berkenaan melepasi Rafah, selain Dr Mahathir dan Rosmah.

"Saya turut menulis surat kepada Permaisuri Rania di Jordan memohon bantuan beliau untuk menghubungi Susan Mubarak yang juga Wanita Pertama Mesir bagi membantu konvoi berkenaan," katanya.